

## KADAR NAFKAH SUAMI KEPADA ISTERI DAN HUBUNGANNYA DENGAN URUF MENURUT PERSPEKTIF SHARIAH: SUATU PERBINCANGAN (The Financial Obligation of a Husband to His Wife and Its Relationship with Uruf According to the Shariah Perspective: A Discussion)

Mansor Bin Sulaiman\*, and Hasan Bin Ahmad

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** – This article discusses the husband's stipulated financial obligation to his wife through the discussion of *daril uruf*. This matter is discussed because there is no stipulation regarding the actual amount of alimony that needs to be given to the wife to be used as a reference, especially when there is a dispute from the wife regarding the neglect of their alimony by the husband. In order to achieve that goal, this article is based on a complete library study with a focus on research on references in the field of *fiqh*, *usul fiqh*, interpretation of the Quran and *al-Hadith* as well as the latest writings on the issue of wife support. Next, the analysis from this library study found that there are texts that provide guidance to the alimony rate but it still hovers within the realm of *dzanni* arguments that are open to debate. Through the research of these texts, it was found that the rate of maintenance is indeed kept silent by the *syariah* to open up space for the openness of the rate according to the requirements related to time, place and certain circumstances. Finally, this article finds that the alimony rate can be suggested by the authority through guidance from the evidence.

**ABSTRAK** – Tulisan ini membincangkan berkenaan kadar nafkah suami kepada isteri menerusi perbincangan *dalil uruf*. Perkara ini dibincangkan disebabkan tiada ketetapan berkenaan jumlah sebenar nafkah yang perlu diberikan kepada isteri untuk dijadikan rujukan, terutama apabila berlaku pertikaian daripada isteri terhadap pengabaian nafkah mereka oleh suami. Bagi mencapai tujuan tersebut, tulisan ini adalah bersandarkan kepada kajian perpustakaan sepenuhnya dengan fokus kepada penelitian terhadap rujukan-rujukan dalam bidang *fiqh*, *usul fiqh*, tafsir *al-Quran* dan *al-Hadith* serta tulisan-tulisan terkini berkenaan isu nafkah isteri. Seterusnya analisis daripada kajian perpustakaan ini menemui bahawa terdapat nas-nas yang memberikan panduan kepada kadar nafkah tersebut tetapi ia masih berlegar dalam lingkungan *dalil dzanni* yang terbuka untuk dibahaskan. Menerusi penelitian terhadap nas-nas ini mendapati bahawa kadar nafkah tersebut sememangnya ditiadakan oleh syarak bagi membuka ruang kepada keterbukaan kadar itu mengikut keperluan-keperluan yang berkaitan masa, tempat dan keadaan tertentu. Akhirnya, tulisan ini mendapati bahawa kadar nafkah tersebut boleh dicadangkan oleh pihak berautoriti menerusi panduan daripada *dalil uruf*.

### ARTICLE HISTORY

Received: 13<sup>th</sup> Oct. 2021

Revised: 22<sup>nd</sup> Oct. 2021

Accepted: 8<sup>th</sup> Nov. 2021

### KEYWORDS

*Nafakah*

*'Urf*

*Ma'ruf*

*Fard al-kifaaya*

## PENDAHULUAN

Tulisan ini dikemukakan bagi merungkaikan persoalan kadar nafkah yang sepatutnya diberikan oleh suami kepada isteri. Ia meliputi kadar nafkah untuk isteri yang berkerjaya dan yang tidak berkerjaya. Penelitian terhadap perbincangan berkenaan kadar nafkah ini didapati ia berasaskan kepada *dalil uruf*. Oleh kerana asasnya adalah *dalil uruf*, ini bermakna kadar tersebut adalah suatu yang boleh berubah mengikut keadaan, masa dan tempat sesuai dengan kedudukannya sebagai hukum yang berasaskan kepada *uruf* itu sendiri. Oleh itu tulisan ini dikemukakan bagi melihat hubungkait antara nafkah dan *uruf*, seterusnya cuba mengenalpasti kadar sepatutnya diberikan oleh suami kepada isteri dengan merujuk kepada *dalil uruf* itu sendiri.

### Nafkah

Nafkah (النفقة) daripada perkataan *infaq* (انفاق) yang bermaksud ‘mengeluarkan sesuatu’, perkataan ini hanya digunakan bagi menerangkan perbuatan mengeluarkan suatu yang baik. Dari sudut bahasa ia bermaksud “sesuatu yang dikeluarkan (diinfakkan) seseorang kepada mereka yang berada di bawah tanggungannya”. Manakala dari sudut syarak, ‘kecukupan untuk mereka yang ditanggung dari aspek makanan, pakaian dan tempat tinggal (al-Zuhaili, 1989). Di dalam kitab *Fiqh Ala al-Mazhab al-Arba'ah*, nafkah didefinisikan sebagai “perbelanjaan yang dikeluarkan seseorang kepada sesiapa yang wajib ke atasnya menanggung nafkah mereka dalam bentuk roti, lauk pauk, pakaian, tempat tinggal dan apa-

apa yang berkaitan dengannya” (Abd al-Rahman, 2003). Secara umumnya nafkah dalam tulisan ini adalah merujuk kepada perbelanjaan wajib yang dikeluarkan oleh seorang suami bagi menyara isteri sahaja. Nafkah untuk anak-anak, ibu bapa dan saudara mara terdekat tidak termasuk dalam perbincangan tulisan ini.

## Uruf

Uruf ( عرف ) dari sudut bahasa adalah perkataan yang memberi maksud yang berlawanan dengan perkataan *al-nukr* ( النكر ) (*al-nukr* bermaksud suatu yang buruk yang tidak disukai oleh hati), iaitu uruf bermaksud “setiap perkara yang diketahui sebagai suatu yang baik dan hati berasa suka dan tenteram dengannya”, *ma'ruf* merupakan perkataan lain yang menggambarkan maksud uruf dan ia memberi maksud berlawanan kepada perkataan mungkar ( منكر ) (Ibnu Manzur, t.th). Ia dikatakan begitu disebabkan jiwa merasa tenang dengan uruf tersebut. Ia merupakan suatu yang memiliki ciri-ciri dominan, iaitu suatu yang diketahui manusia dan mereka tidak mengingkarinya apabila melihat atau mengetahuinya (Ibnu Manzur, t.th). Dalam perbincangan oleh pakar-pakar bahasa Arab, kita boleh mendapati bahawa perkataan uruf ini merujuk kepada perkataan yang menggambarkan perkara yang banyak diikuti oleh orang ramai dan menjadi kebiasaan dalam perbuatan dan percakapan mereka. Oleh kerana ia suatu yang diketahui dan disukai serta menjadi kebiasaan maka ia menjadi suatu yang mententeramkan jiwa dan tidak diingkari apabila dilihat (Hanan al-Qudah & Muhammad M, 2016)

Definisi uruf dari sudut istilah ialah “Suatu yang diketahui oleh manusia dan saling diketahui antara sesama mereka dalam perkara berkaitan *muamalah* (interaksi sesama mereka). (Hanan al-Qudah & Muhammad M, 2016). Abdul Karim Zaidan (1993) pula menyatakan uruf adalah suatu yang sudah mendapat tempat dalam hati masyarakat sehingga boleh diterima dalam kehidupan mereka dan ia menjadi kebiasaan dalam kehidupan sama ada dalam perkataan atau perbuatan. Terdapat perbezaan pendapat para ulama berkenaan makna uruf dan adat. Ada yang berpandangan ia memberi maksud yang berbeza dan ada pula yang menyatakan ia mempunyai maksud yang sama. Antara yang berpandangan dengan pandangan kedua ini adalah Abdul Karim Zaidan (1993) yang menyatakan bahawa uruf dan adat adalah dua perkataan yang memberikan maksud yang sama menurut para fuqaha. Berdasarkan definisi ini ia menunjukkan bahawa uruf ini meliputi aspek interaksi sesama manusia sama ada dalam aspek perkataan atau pun perbuatan.

Di antara dalil yang menjadi sandaran para ulama untuk dalil uruf ini adalah firman Allah seperti berikut:

حُذِّرُوا الْعَفْوَ وَأَمْرٌ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ

Maksudnya:

“Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya)”.

(al-Quran; al- A'raf: 199)

Antara ulama yang mengambil ayat ini sebagai dalil adalah Imam al-Shafii berdasarkan kepada maksud uruf di dalam ayat ini yang ditafsirkan sebagai suatu yang diketahui manusia dan diketahui antara sesama mereka dalam bermuamalah (Hanan al-Qudah & Muhammad M, 2016). Zaidan (1993) tidak bersetuju ayat ini sebagai dalil kepada kehujahan uruf. Beliau telah mentafsirkan العرف dalam ayat ini sebagai *ma'ruf* yang menurut beliau bermaksud suatu yang diketahui akan kebaikannya dan wajib untuk dilaksanakan. Walaupun begitu, beliau bersetuju dengan kehujahan uruf ini berdasarkan beberapa perkara, antaranya terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa syarak meraikan uruf masyarakat Arab yang baik seperti membenarkan transaksi-transaksi yang baik seperti *mudharabah*, jual beli salam dan sebagainya. Manakala uruf yang tidak baik telah ditolak dan dihapuskan antaranya menolak adat tidak ada pewarisan harta kepada wanita dan sebagainya. Begitu juga, uruf pada hakikatnya adalah merujuk kepada dalil-dalil yang diterima oleh syarak seperti *ijma'*, *masalah mursalah*, *sad al-zarai'* dan sebagainya. Akhir sekali beliau berhujah bahawa para fuqaha telah menggunakan uruf sebagai dalil sepanjang zaman.

Berdasarkan perkara di atas, Zaidan (1993) berkata bahawa uruf merupakan salah satu daripada usul istinbat yang dibina hukum daripadanya. Ia boleh dilihat menerusi beberapa kaedah yang digunakan oleh para ulama yang menunjukkan kedudukan uruf sebagai hujah dalam berhukum. Antara yang boleh dikemukakan di sini adalah kaedah (العادة محكمة) dan kaedah (المعروف عرفا كالمشروط شرطا). Manakala (Ahmad Rasyad, 2013) menyatakan bahawa uruf dikira sebagai hujah oleh jumhur ulama di kalangan Hanafiah, Malikiyah dan Shafiiyyah. Di dalam kitab *al-Ashbah wa al-Nazoir*, al-Sayuthi (1997) menyebutkan bahawa adat dan uruf dijadikan rujukan dalam pelbagai masalah dalam fiqh Shafii. Imam Shafii sendiri telah mengubah beberapa fatwa beliau yang berasaskan uruf selepas berpindah dari Iraq ke Mesir disebabkan perubahan uruf di kalangan masyarakat. (Ahmad Rasyad, 2013).

Walaupun begitu, terdapat beberapa syarat yang dikemukakan para fuqaha untuk berhujah dengan uruf ini, antara syarat paling utama adalah perlu dipastikan bahawa uruf tersebut tidak bercanggah dengan nas dan dalam masa yang sama ia merupakan uruf yang sah. Sekiranya ia bercanggah dengan nas, ia tidak boleh diterima walaupun disukai oleh semua orang sebagai contohnya budaya minum arak, makan riba dan sebagainya. (Zaidan: 1993) Contoh-contoh berkenaan hukum-hukum yang diputuskan oleh uruf dalam perkara yang tidak disentuh oleh nas ialah keperluan menentukan sifat tertentu dalam hukum tertentu, contohnya penentuan sifat *al-qabudh* (penerimaan dalam sesuatu kontrak), penetapan kadar yang tidak disebutkan oleh nas seperti nafkah suami kepada isteri itu sendiri yang menjadi tajuk perbincangan tulisan ini, penentuan selang masa yang didiamkan oleh nas seperti isu masa panjang atau pendek dalam ibadah solat yang tidak ada penetapan yang jelas dari syarak dan sebagainya. Dalam keadaan ini, penggunaan uruf

masih lagi dipandu oleh syarak menerusi rujukan kepada prinsip-prinsip umum yang ditentukan oleh syarak, antaranya seperti *istislah* atau dalam erti kata lain, merujuk kepada masalah (Ahmad Rasyad, 2013).

Kesimpulan kepada perbincangan berkenaan uruf boleh disebutkan di sini bahawa uruf ini adalah dalil yang digunakan untuk menjelaskan perkara-perkara yang tidak dijelaskan oleh nas. Ia boleh mudah difahami dengan merujuk kepada kenyataan Imam al-Sayuti (1997) yang berbunyi:

كل ما ورد به الشرع مطلقا ولا ضابط له ولا في اللغة يرجع فيه الى العرف

Maksudnya:

“Setiap sesuatu yang berbentuk mutlak dalam syariat dan tiada *dhabit* padanya dan tidak ditemui juga *dhabit* dari sudut bahasa, maka hendaklah dirujuk kepada uruf”

Dalam masa yang sama juga perlu difahami bahawa penggunaan uruf ini juga mempunyai *dhabit* atau garis panduan yang perlu diikuti dan bukan menyerahkan sepenuhnya kepada akal tanpa sebarang panduan.

### Nafkah dan Uruf

Nafkah dan perkaitannya dengan uruf yang dibincangkan di sini adalah merujuk kepada penelitian terhadap nas-nas berkenaan nafkah terhadap isteri yang tidak dijelaskan dengan terperinci kadarnya oleh nas tersebut. Walaupun begitu, ada perkataan *ma'ruf* dalam nas-nas ini yang didapati ditafsirkan sebagai uruf oleh sebahagian ulama. Oleh kerana itu, ia cuba dirungkaikan dalam tulisan ini bagi melihat hubungan di antara nafkah isteri dengan uruf itu sendiri. Berikut dikemukakan 3 daripada nas-nas tersebut:

Nas tersebut, pertama ialah firman Allah:

وعلى المولود له رزقهن وكسوتهن بالمعروف

Maksudnya:

“Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara *ma'ruf*”

(al-Quran; al-Baqarah: 233)

Menurut al-Zuhaili (1989), ayat ini memberi maksud bahawa bapa kepada anak-anak berkewajiban memberikan nafkah kepada mereka disebabkan wujudnya *wiladah* (kelahiran), sepertimana wajib ke atas suami memberikan nafkah kepada isteri disebabkan faktor anak juga. *Al-Ma'ruf* dalam ayat ini telah ditafsirkan oleh Abdul Karim Zaidan (1993) sebagai petunjuk bahawa kadar nafkah ini ditentukan oleh uruf disebabkan nas tidak menjelaskan perincian kepada kadar tersebut.

Nas kedua, dalil daripada hadith Nabi:

عن عائشة رضي الله عنها أن هند بنت عتبة رضي الله عنها قالت: يا رسول الله إن أبا سفيان رجل شحيح وليس يعطيني ما يكفيني وولدي إلا ما أخذت منه وهو لا يعلم، فقال: " خذي ما يكفيك وولدك بالمعروف "

Maksudnya:

Dari 'Aisyah r.a. Hind binti 'Utbah berkata: "Ya Rasulullah, suamiku Abu Sofyan adalah seorang yang amat kikir. Ia tidak pernah memberikan belanja yang cukup untuk saya dan anak-anak, kecuali kalau saya mengambil wangnya tanpa pengetahuannya." Rasul menjawab: "Ambil sajalah secukupnya untuk engkau dengan anakmu, dengan cara yang cukup dan *ma'ruf*".

(*Shahih al-Bukhari, Kitab al-Ahkam, Bab al-Qadha' Ala al-Ghaib, Hadith no 6758*)

Ibnu Hajar (1999) menyatakan maksud *al-ma'ruf* di sini adalah kadar yang diketahui menerusi penjelasan adat bahawa ia bermaksud 'kecukupan' (*al-kifayah*). Kemudian beliau berkata, "Ia menunjukkan bahawa dibolehkan berpegang kepada uruf dalam perkara yang tidak ada ketetapan had-had tertentu daripada syarak". Zuhaili (1989) menyatakan bahawa nas di atas menjadi dalil kepada kewajiban nafkah untuk isteri dan anak-anak ke atas suami / bapa dengan kadar *kifayah* (kecukupan) dan *ma'ruf*. Oleh kerana ia suatu kewajiban, seorang isteri boleh, atau dalam erti kata lain tidak salah mengambil daripada harta / pendapatan suami sejumlah nilai bersesuaian dengan kadar nafkah yang sepatutnya diberikan oleh suami sekiranya suami tersebut tidak memberikannya kepada mereka. Nafkah terhadap isteri yang dibincangkan di atas turut meliputi isteri yang berkerjaya dan berpendapatan (Zuhaili, 1989). Perbincangan tentang maksud *ma'ruf* seperti di atas ini boleh difahami menerusi kenyataan Ibnu Taimiyah (2004) yang menyatakan Nabi telah menyuruh Hindun untuk mengambil daripada suami beliau, kadar yang dalam lingkungan maksud *kifayah* (kecukupan) yang *ma'ruf*. Baginda tidak menentukan kadar dan jenis harta atau barangan yang perlu diambil. Sekiranya syarak menentukan kadarnya sudah tentu baginda akan menjelaskannya kepada Hindun sepertimana baginda menerangkan kadar dalam hukum-hukum berkaitan harta yang lain seperti dalam bab zakat dan diyat.

Nas ketiga, dalil daripada hadith Nabi yang disampaikan ketika khutbah di Arafah:

عن جابر بن عبد الله رضي الله عنه أن النبي قال في خطبته في حجة الوداع: "فاتقوا الله في النساء، فإنكم أخذتموهن بأمان الله، واستحللتم فروجهن بكلمة الله، ولكم عليهن أن لا يوطئن فرشكم أحداً تكرهونه، فإن فعلن ذلك فاضربوهن ضرباً غير مبرح، ولهن عليكم رزقهن وكسوتهن بالمعروف"

Maksudnya:

Dari Jabir bin Abdillah, ia berkata, bersabda Rasulullah saw: "Takut lah kamu sekalian kepada Allah swt dalam hal kaum perempuan, karena mereka adalah amanat Allah swt yang kamu sekalian ambil, kamu sekalian mendapatkan kehalalan faraj mereka dengan kalimat Allah. Kamu sekalian harus menjaga mereka untuk kehormatan kamu sekalian dari seseorang yang kamu sekalian tidak sukai. Jika mereka melakukan hal itu, pukullah mereka dengan pukulan yang tidak melukai. Disamping itu kamu sekalian harus memberi mereka nafkah dalam bentuk rezeki dan pakaian yang baik" (Shahih Muslim, *Kitab al-Haj, Bab Hajjati al-Nabi SAW*, Hadith no. 1218)

Ibnu Jarir Al-Tabari (t.th.) dalam tafsiran terhadap kenyataan Nabi dalam hadith seperti di atas **ولهن عليكم رزقهن وكسوتهن بالمعروف** (maksudnya: "Kamu sekalian harus memberi mereka nafkah dalam bentuk rezeki dan pakaian yang baik") menyatakan bahawa nafkah yang disebutkan di sini dalam bentuk makanan dan minuman, tempat tinggal dan pakaian kepada isteri, kadarnya disebutkan oleh Nabi adalah mengikut *ma'ruf*. Beliau menyatakan bahawa *ma'ruf* di sini dimaksudkan sebagai mengikut keperluan isteri itu dengan tidak melampau atau berkurang. Atau pun mengikut kadar berdasarkan keadaan suami itu sendiri iaitu kaya maka kadar itu mengikut tahap kekayaannya, sekiranya miskin, maka kadar itu mengikut kemampuannya.

Berdasarkan kepada dalil-dalil yang dikemukakan di atas, secara umumnya maksud *ma'ruf* dalam dalil-dalil di atas menunjukkan bahawa kadar kepada nafkah itu tidak dijelaskan oleh nas tetapi hanya diperkenalkan konsep *ma'ruf* sahaja. Hasil daripada perbincangan para fuqaha terhadap dalil itu pula boleh disimpulkan bahawa kadar itu adalah merujuk kepada uruf disebabkan tiada nas yang menyebutkannya secara terperinci. Oleh kerana itu, Ibn Taimiyah (2004) menyatakan bahawa pendapat jumhur ulama berdasarkan dalil-dalil di atas adalah nafkah isteri itu merujuk kepada uruf dan ia tidak ditentukan kadarnya oleh syarak. Maksudnya ia adalah berbeza mengikut perbezaan keadaan tempat dan masa serta kedudukan suami, isteri dan adat yang melingkungi mereka. Beliau juga menjelaskan bahawa pendapat yang lebih tepat adalah pendapat jumhur. Perkara ini boleh difahami dengan lebih jelas menerusi penelitian terhadap kupasan Wahbah Zuhaili (1989) terhadap perbahasan para ulama mazhab dalam persoalan nafkah berkenaan makanan untuk isteri seperti di bawah.

Wahbah Zuhaili (1989) berkata bahawa para fuqaha menetapkan bahawa nafkah wajib dalam bentuk makanan untuk isteri adalah makan, minuman dan lauk pauk dan yang berkaitan dengannya tidak termasuk buah-buahan. Manakala dari sudut kadarnya pula, beliau menyatakan bahawa dalil-dalil menunjukkan secara *soreh* (jelas) berkenaan kadar nafkah yang diwajibkan itu adalah mengikut kadar kifayah. Beliau melihat maksud *ma'ruf* itu dengan makna *kifayah* (kecukupan). Beliau menolak pandangan yang menyatakan bahawa kadar wajib itu adalah mengikut kadar *kaffarah* disebabkan *kaffarah* tidak membezakan kadarnya antara orang yang senang dan yang susah. Beliau melihat bahawa maksud *ma'ruf* seperti ini bermakna bahawa kadar nafkah dalam bentuk makanan ini adalah merujuk kepada uruf dan adat pada sesuatu tempat. Dalam erti kata lain, ia berubah-ubah mengikut tempat, masa dan keadaan sama ada kaya atau susah, tua atau muda, musim panas atau sejuk dan sebagainya. Pandangan yang dikemukakan oleh Wahbah Zuhaili ini adalah merujuk kepada pendapat jumhur ulama selain Shafiiyyah. Pandangan Mazhab Shafii dalam perkara berkaitan nafkah berbentuk makanan adalah mazhab ini menentukan bahawa makanan itu perlu dalam bentuk bijiran dengan kadar tertentu mengikut keadaan senang atau susah suami itu. Ini disebabkan kadar *kaffarah* yang paling rendah untuk seseorang itu adalah secupak makanan (bijiran). Perkara ini dikemukakan berdasarkan Allah mengiktibarkan *kaffarah* dengan nafkah kepada keluarga sepertimana disebutkan Allah dalam firmanNya:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَّارَتُهُ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسَاكِينَ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ

Maksudnya: "Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksud (untuk bersumpah), tetapi Dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengaja, maka kaffarat (melanggar) sumpah itu, ialah memberi makan sepuluh orang miskin, iaitu dari makanan yang biasa kamu berikan kepada keluargamu, atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seorang budak".

(al-Quran; Surah al-Ma'idah: 89)

Shafiiyyah mengiktibarkan nafkah dengan *kaffarah* disebabkan kedua-duanya adalah harta yang diwajibkan oleh syarak dan suatu tanggungjawab suami terhadap isteri. Menurut Shafii, bagi suami yang senang maka nafkah untuk isterinya sebanyak dua cupak, manakala yang susah 1 cupak, dan yang pertengahan adalah 1 setengah cupak. Perbezaan ini berdasarkan hujah daripada nas: *لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِنْ سَعَتِهِ* (al-Quran; Surah al-Talaq: 8), Maksudnya: "Hendaklah orang yang mampu, memberi nafkah menurut kemampuannya". Ketentuan seperti ini adalah merujuk kepada kadar terbanyak yang wajib dalam *kaffarah* iaitu 2 cupak untuk setiap seorang miskin. Ia merupakan *kaffarah* mencabut rambut atau kuku dalam ibadah haji. Manakala kadar paling sedikit adalah 1 cupak seperti dalam *kaffarah zihar*. Oleh kerana itu, diwajibkan kepada orang yang senang dengan kadar yang tertinggi iaitu 2 cupak manakala bagi orang yang susah adalah 1 cupak. Ini



disebabkan 1 cupak adalah mencukupi kepada seorang yang zuhud dan mereka yang ada ciri *qana'ah* (berpada dengan apa yang ada) dan yang pertengahan adalah antara kadar yang paling tinggi dan paling rendah bagi mengelak mudarat daripadanya. Pendapat paling rajih menurut Wahbah Zuhaili (1989) adalah pendapat jumbuh yang tidak menetapkan nafkah berkaitan makanan mesti dalam bentuk bijiran tetapi ia berbentuk *kifayah* (kecukupan) iaitu makanan secukupnya untuk isteri tanpa sebarang penentuan makanan yang tertentu.

Berdasarkan kesemua perbincangan di atas, boleh disimpulkan bahawa perbincangan tentang kadar nafkah isteri ini menimbulkan pelbagai pandangan disebabkan tiada nas yang memperincikannya. Penelitian terhadap perbincangan para ulama ini didapati bahawa kadar itu kembali kepada uruf dalam sesebuah masyarakat. Pendapat Shafii yang mengkiaskannya dengan *kaffarah* juga merujuk kepada uruf bagi penentuan kadar senang, sederhana dan susah bagi seorang pemberi nafkah. Rujukan Shafii terhadap uruf dalam persoalan kadar nafkah ini boleh difahami menerusi pandangan Imam Shafii dalam persoalan keadaan siapa yang perlu dirujuk bagi penentuan kadar nafkah tersebut. Secara umumnya, Shafii berpandangan bahawa nafkah itu kadarnya adalah mengikut keadaan suami sahaja sama ada susah atau senang dan tidak mengikut keadaan isteri. Beliau turut menyatakan bahawa tiada ruang untuk hakim dan mufti untuk berjihad berkenaan kadar tersebut. Ini disebabkan adalah sukar bagi hakim untuk mengetahui keperluan yang mencukupi bagi isteri malahan boleh membawa kepada pergaduhan disebabkan dakwaan-dakwaan yang pelbagai. Dalam erti kata lain, kadar nafkah mengikut Shafii adalah merujuk kepada keadaan kewangan pemberi nafkah dan keperluan tanggungannya dengan mengambil kira adat kebiasaan yang sedang berlangsung. Sekiranya berlaku masalah dalam pemberian nafkah terhadap isteri maka pihak mufti akan melihat keperluan orang yang ditanggung dan kemudian melihat keadaan pemberi nafkah. Sekiranya keadaan pemberi nafkah itu bagus, maka pemberian nafkah itu merujuk kepada keupayaannya yang berkenaan, tetapi sekiranya kemampuannya hanya sekadar cukup untuk memenuhi keperluan dalam kadar tertentu tanggungannya sahaja, maka nafkah itu hanya sekadar itu sahaja (Ibn Qudamah: 1996).

## METODOLOGI

Tulisan berkenaan kadar nafkah isteri ini adalah menggunakan kaedah kajian perpustakaan sepenuhnya. Ia bersesuaian dengan objektif tulisan yang menyasarkan kepada tinjauan awal menerusi perspektif fiqh terhadap isu kadar nafkah untuk isteri yang dibincangkan. Bagi memulakan tulisan ini, penulis memulakannya dengan mengenalpasti permasalahan yang ingin dibincangkan terlebih dahulu menerusi perbincangan dengan pihak-pihak berautoriti berkaitan zakat terutamanya pihak Pusat Zakat Pahang, di samping penelitian terhadap kajian-kajian lepas. Seterusnya setelah dikenalpasti fokus kajian yang berkenaan maka tinjauan dalam bentuk analisis terhadap nas-nas beserta pandangan ulama berkenaan nas-nas menerusi rujukan-rujukan seperti yang disenaraikan dalam senarai rujukan. Selepas itu, tulisan ini dibangunkan dan diikuti dengan kesimpulan di akhirnya.

## RUMUSAN

Perbincangan di atas menunjukkan bagaimana isu-isu yang diutarakan oleh nas-nas al-Quran dan al-hadith masih dibuka untuk perbincangan berdasarkan keperluan yang berubah-ubah mengikut perubahan masa dan keadaan sesebuah masyarakat. Berhubung perkara ini, nas-nas berperanan memberikan garis panduan bersifat umum, sebagai contohnya kewajiban nafkah isteri perlu diberikan oleh suami dalam bentuk *ma'ruf* sepertimana dijelaskan oleh nas. Tetapi bagaimana perincian tentang nafkah tersebut telah diberikan ruang yang luas kepada manusia untuk mengkaitkannya dengan keperluan mengikut keadaan dan perubahan semasa yang berlaku dalam kehidupan mereka. Ia secara tidak langsung memberikan ciri sempurna dan sesuai sepanjang zaman kepada syariah itu sendiri. Dalam perbincangan tulisan ini, ditemui bahawa syarak mengemukakan suatu dalil iaitu uruf yang boleh dijadikan rujukan bagi melihat keperluan dan perincian kepada kadar nafkah itu sendiri. Berpanduan uruf ini, kadar nafkah yang boleh disesuaikan dengan keperluan sepanjang zaman walaupun berlaku pelbagai perubahan dalam kehidupan masyarakat. Ia secara tidak langsung memberikan isyarat bahawa diperlukan dinamika para ulama dan juga pentadbir yang menguruskan urusan umat Islam khususnya dalam isu kadar nafkah ini. Dalam erti kata lain, para ulama dan pentadbir perlu saling berganding untuk melihat kadar nafkah yang sepatutnya dan sesuai untuk zaman sekarang bagi kehidupan sebuah keluarga. Ia akan turut membantu menyelesaikan isu-isu berbangkit daripada isu kadar nafkah ini seperti isu-isu yang tidak ditetapkan kadarnya oleh nas seperti isu tuntutan nafkah isteri terhadap suami yang culas memberikan nafkah, isu nafkah ketika iddah, isu kadar *mut'ah* dan sebagainya yang perlu juga diteliti aspek uruf ketika membuat keputusan.

Selain itu juga, ditemui bahawa terdapat hubungan yang erat antara uruf dengan *maslahah*. Ia boleh dilihat menerusi perbincangan berkenaan uruf dalam penentuan kadar nafkah ini sehingga menimbulkan pelbagai pandangan ulama. Apa yang boleh disimpulkan adalah para ulama berusaha mendapatkan penjelasan dan penyelesaian terbaik kepada penentuan kadar nafkah ini. Lebih-lebih lagi tidak ada nas yang menjelaskan dengan terperinci berkenaan kadarnya, sehingga menyebabkan para ulama melakukan ijtihad bagi mengemukakan pandangan yang terbaik dan dalam masa yang sama tidak melanggar mana-mana prinsip umum yang jelas disebutkan dalam nas-nas yang ada. Perkara ini selari dengan apa yang disebutkan oleh Ahmad Rasyad (2013) yang menyatakan bahawa tujuan menggunakan uruf adalah untuk mempermudah (*al-taysir*) dan mengangkat kesukaran (*raf'u al-haraj*) serta memastikan terbangunnya *maslahah* dan terhindarnya *mafsadah*. Ia menunjukkan bahawa pendalilan dengan uruf merupakan pendalilan menggunakan *maslahah*. Beliau menyatakan bahawa sesuatu itu menjadi uruf di kalangan manusia adalah disebabkan keperluan mereka terhadap perkara tersebut. Ia disebabkan dengan mengikut perkara tersebut (yang menjadi uruf itu) mendatangkan manfaat atau menolak kemudaratan. Penolakan terhadap uruf ini boleh membawa kepada kesukaran dan kerosakan kepada mereka dan menghalang mereka daripada mendapat manfaat.

Berdasarkan perkara di atas, penerimaan uruf bukanlah dilihat ia sebagai dalil semata-mata, tetapi penerimaannya juga disebabkan melihat kepada dalil yang menjadi asas kepada terbentuknya uruf itu sendiri iaitu *masalah* yang diiktiraf oleh syarak. Secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa mengambil uruf sebagai dalil juga boleh dikatakan sebagai pendalilan dengan menggunakan *masalah (istidlal bi al-maslahah)*. Ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa uruf memandu untuk menentukan kadar yang sepatutnya diberikan oleh suami kepada isteri dari sudut nafkah dengan meraikan *masalah* yang sepatutnya. Oleh itu, tiada kadar tertentu yang boleh dicadangkan oleh tulisan ini disebabkan ia merupakan kadar yang bersifat terbuka dan perlu selari dengan perubahan-perubahan yang berlaku dari sudut masa, tempat dan keadaan. Apa yang boleh dicadangkan adalah keperluan memahami uruf masyarakat yang berkaitan dengan nafkah ini dalam menentukan kadar nafkah yang sepatutnya untuk para isteri dan ia adalah suatu yang tidak semestinya bersifat umum, malahan boleh berbeza-beza mengikut tahap kewangan ketua keluarga yang berkenaan. Inilah maksud *ma'ruf* yang boleh difahami daripada nas-nas berkenaan nafkah yang dikemukakan dalam tulisan ini.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya kadar untuk nafkah isteri adalah suatu yang tidak dijelaskan secara terperinci oleh syarak mempunyai hikmah yang besar bagi menjamin hak isteri dan juga suami itu sendiri. Hikmah itu adalah dengan adanya dalil uruf, membolehkan kadar itu berubah mengikut keperluan-keperluan yang munasabah seperti perubahan keadaan, masa dan tempat tanpa dinafikan terdapat prinsip-prinsip umum syariah yang perlu dirujuk dalam mengenalpasti kadar yang sesuai mengikut uruf tersebut. Ia juga secara tidak langsung memberi isyarat kepada mereka yang terlibat dalam penentuan dasar berkaitan nafkah isteri ini khususnya iaitu pihak berautoriti agama untuk menjadi dinamik dalam membincang dan memutuskan keputusan berkaitan kadar nafkah ini mengikut perkembangan dan perubahan semasa sesuai dengan uruf itu sendiri. Ia juga menunjukkan bahawa isu-isu yang terbuka kepada rujukan terhadap uruf perlu ditangani oleh pihak berautoriti juga dengan lebih dinamik dan terbuka berpandukan kepada panduan yang telah dikemukakan oleh shariat Islam itu sendiri.

## PENGHARGAAN

Penghargaan: Tulisan ini adalah hasil kajian daripada pembiayaan geran yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi iaitu geran FRGS iaitu RDU 1901127 bertajuk Pembangunan garis panduan tolakan zakat untuk zakat pendapatan bagi isteri yang menyumbang kepada nafkah keluarga

## RUJUKAN

Al Quran

- Abd al-Rahman Ibn Muhammad Iwad al-Jaziri, 2003, al-Fiqh Ala al-Mazhab al-Arba'ah, Cet. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ahmad Rasyad Abdul Hadi (2013), Athar al-Uruf Fi al-Ahwal al-Shaksiyah: Dirasat Fiqhiyyah Qanuniyah, Tesis Master, Kulliyah Dirasat al-Ulya, Universiti al-Khalil: Palestin
- Al-Sayuti, Jalaluddin Abd Rahman al-Sayuti. al-Ashbah wa al-Nazair. Riyadh: Maktabah Nazar Mustafha al-Baz, 1997. cet.2.
- al-Ṭabarī, Ibn Jacfar Muhammad Ibn Jarīr (t.th) Tafsīr al-Ṭabarī: Jāmic al-Bayān cAn Ta'wīl Āyi al-Qurān, j. 16, Qāhirah: Dār al-Macārif Bi Misr.
- Bukhari, Abi Abdillah Muhammad Ibn Ismail, al-, t.th. Sahih Bukhari. Kaherah: Dar Nah al-Nil Toba'ah Nashr Wa Tauzi'.
- Hanan Al-Qudah, Mohammad Mansour, (2016) al-Ijtihad al-Maslahi Bi al-Urfi Wa Tatbiqatuhu Fi al-Mazhab al-Shafii, Jurnal Dirasat: Shari'a and Law Sciences, 2016, Vol 43, Issue 3, Supp 1, The University of Jordan: Jordan.
- Ibn Hajar, al-Imām al-Ḥāfiẓ Ahmad Ibn cAlī al-cAsqalānī, 1999, Fathu al-Bārī Syarh Ṣahīh al-Bukhārī, Qahirah: Dār al-Manār
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, 1996, al-Mughni Li Ibn Qudamah Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir, Cet. 1, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Manzūr, Jamāl al-Dīn Muhammad Ibnu Mukarram al-Anṣārī (t.th) Lisān al-cArab, T.tp: al-Dār al-Maṣriyyah li al-Ta'lif wa al-Tarjamah
- Ibnu Taimiyyah, Ahmad Ibn Abd al-Halim al-Hanbali, (2004) Majmu' al-Fatawa Sheikh al-Islam Ahmad Ibn Taimiyah, Majma'al-Malik Fahd Li Toba'aj al-Mashaf al-Sharif: Arab Saudi
- Muslim, al-Imām Abu Husain Muslim Ibnu al-Hajjaj al-Qusyairī al-Nisabūrī (2001) Ṣahīh Muslim bi Syarh al-Nawawī, Beirut: Dār al-Kutub al-cIlmiyyah
- Sharbaini, Shams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib al-, 1994, Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifath Ma'ani Alfaz al-Minhaj, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Zaidān, cAbd al-Karīm, 1993, al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh. C.1, Qāhirah: Dār al-Tauzīc wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- Zuhaily, Dr. Wahbah al-, 1989, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, c.3, Syria: Dar al-Fikr.